



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**"ANALISIS PEMILIHAN PROGRAM UPM DI KALANGAN
PEMOHON YANG INGIN MEMASUKI UNIVERSITI /
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI MALAYSIA"**

MOHD. NASIR BIN MARKOM

FPP L 1993 7



UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

"ANALISIS PEMILIHAN PROGRAM UPM DI KALANGAN
PEMOHON YANG INGIN MEMASUKI UNIVERSITI/
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI MALAYSIA"

Oleh: Mohd. Nasir bin Markom
(29292)

Kertas projek ini dikemukakan bagi memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Ijazah Master Sains (HRD) daripada Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Pertanian Malaysia.

November 1993



PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah s.w.t., Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad s.a.w pesuruh Allah. Syukur kehadiranNya, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, petunjuk dan taufik hidayahNya, maka penulisan ini dapat disempurnakan.

Penulis ingin merakam setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dato' Dr. Hj. Mohd. Nasir bin Ismail, Pengarah, Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan, UPM selaku penyelia, yang telah bersusah payah membantu dan menyumbangkan idea dan pemikiran, memberi semangat dan dorongan, serta tunjuk ajar tanpa henti bukan sahaja di dalam menyiapkan kajian ini, malah disepanjang pengajian Siswazah di sini.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pensyarah dan kakitangan Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan, UPM khususnya di Jabatan Komunikasi Pembangunan dan Jabatan Pendidikan Pengembangan di atas segala bantuan dan tunjuk ajar yang telah diberikan.



Penulis juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada kakitangan Bahagian Akademik (Kemasukan & Rekod), khususnya Encik Mohd. Suib bin Hj. Maulud dan Encik Asbullah bin Hj. Mohd. Yusof di atas segala pengertian dan sokongan fizikal dan spiritual selama ini.

Ucapan terima kasih juga kepada pihak Unit Pusat Universiti (UPU), khususnya Encik Adam dan Encik Mohd. Khair di atas kerjasama yang diberikan.

Penulis juga merakam rasa terhutang budi dan terima kasih peribadi kepada Puan Che'Om bt. Hussain di atas bantuan dan kesabaran selama ini.

Terima kasih kepada rakan-rakan; Siti, Aziz, Zali, Anuar dan Nizam.

Akhir kata kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini, penulis mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih, dan berdoa agar segala jasa baik akan diberkati Tuhan.

**"Hancur badan dikandung tanah,
Budi baik dikenang juga"**



SENARAI KANDUNGAN

	<u>Muka surat</u>
PENGHARGAAN	(i)
SENARAI KANDUNGAN	(iii)
SENARAI JADUAL	(vii)
ABSTRAK	(xii)
ABSTRACT	(xv)
BAB I LATAR BELAKANG KAJIAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang UPM	2
1.3 Kenyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Kepentingan Kajian	10
1.6 Skop Kajian	11
1.7 Definisi Beberapa Istilah Penting	12
1.8 Kajian Bahan Bertulis	13
1.9 Teori-teori Atau Model Yang Berkaitan	27
BAB 2 TATACARA PEMILIHAN PELAJAR KE INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI TEMPATAN/LUAR NEGERI	
2.1 Pengenalan	33
2.2 Tatacara Pemilihan	33
2.3 Unit Pusat Universiti	36
2.4 Pemilihan Keutamaan Calon	42



2.5	Tawaran Kemasukan Ke Universiti	44
2.6	Calon Mendaftar	45
2.7	Tatacara Kemasukan ke UPM	45
BAB 3	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	54
3.2	Merit	55
3.3	Penyediaan Senarai Merit	55
3.4	Kandungan Senarai Merit	57
3.5	Jenis-jenis Senarai Merit	57
3.6	Kepentingan Senarai Merit	58
3.7	Had Kajian	59
3.8	Analisis Data	60
BAB 4	HASIL KAJIAN	
4.1	Pengenalan	62
4.2	Analisis Data Daripada UPU	62
4.2.1	Permohonan Peringkat Ijazah	62
	i. Permohonan Secara Keseluruhan	62
	ii. Permohonan Mengikut Kaum	64
	iii. Perbandingan Mengikut Kaum	66
4.2.2	Permohonan Peringkat Diploma/ Matrikulasi	67
	i. Permohonan Secara Keseluruhan	67
	ii. Permohonan Mengikut Kaum	69



4.3	Analisis Data Daripada Senarai Merit	70
4.3.1	Bilangan Yang Memohon UPM Keseluruhan	70
4.3.2	Jumlah Memohon UPM ikut Jantina	72
4.3.3	Jumlah Memohon UPM ikut Agregat	74
4.3.4	Jumlah Memohon UPM ikut Negeri	76
4.3.5	Jumlah Memohon UPM ikut Pilihan	78
4.3.6	Program Paling Popular di UPM	81
4.3.7	Program Paling Popular Antara Universiti/Institusi Pengajian Tinggi	82
4.3.8	Universiti Paling Popular ...	84
BAB 5	PERBINCANGAN	
5.1	Jumlah Permohonan	87
5.2	Ikut Pilihan	91
5.3	Jantina	94
5.4	Negeri	97
5.5	Agregat	99
5.6	Program Pilihan Di Antara Universiti	101
5.7	Program Pilihan Di UPM	103
5.8	Universiti Pilihan	108



BAB 6	CADANGAN	
	6.1 Cadangan Kajian	117
	6.2 Kesan Kepada Pengurusan Sumber Manusia	118
	PENUTUP	119
	RUJUKAN	120
	LAMPIRAN	124



SENARAI JADUAL

<u>JADUAL</u>	<u>Muka surat</u>
1 Senarai Program Yang Ditawarkan Oleh UPM Mengikut Fakulti/Pusat	8
2 Model Sistem Pengajian	29
3 Jumlah Permohonan ke UPM Peringkat Ijazah Bagi Tempoh 1988/89 - 1992/93	63
4 Jumlah Permohonan Mengikut Kaum Ke Seluruh Universiti (Keseluruhan) Peringkat Ijazah Bagi Tempoh 1988/89 - 1992/93	64
5 Jumlah Permohonan Mengikut Kaum ke UPM Peringkat Ijazah Bagi Tempoh 1988/89 - 1992/93	65
6 Jumlah Permohonan Pelajar Bumiputera Ke UPM Peringkat Ijazah Bagi Tempoh 1988/89 - 1992/93	66
7 Jumlah Permohonan Pelajar Bukan Bumiputera Ke UPM Peringkat Ijazah Bagi Tempoh 1988/89 - 1992/93	67
8 Jumlah Permohonan Ke UPM Peringkat Diploma/ Matrikulasi Bagi Tempoh 1988/89 - 1992/93	68
9 Jumlah Permohonan Ke UPM Mengikut Kaum Peringkat Diploma/Matrikulasi Bagi Tempoh 1988/89 - 1992/93	69
10 Jumlah Permohonan Ke UPM Secara Keseluruhan Mengikut Senarai Merit	72
11 Jumlah Permohonan Ke UPM Mengikut Jantina	73
12 Jumlah Permohonan Masuk UPM Mengikut Aggregat	75
13 Jumlah Permohonan Masuk UPM Mengikut Negeri	77



<u>JADUAL</u>	<u>Muka surat</u>
14	Jumlah Permohonan Masuk UPM Mengikut Pilihan 79
15	Program UPM Paling Popular 82
16	Program Paling Popular Di Antara Universiti/IPT 83
17	Universiti Paling Popular Secara 86
18	Senarai Kolej/Institusi Swasta Dan Bidang-Bidang Yang Ditawarkan 107
19	Jumlah Permohonan Ke UPM, SPM Aliran Sains (Bumiputera) 140
20	Jumlah Permohonan Ke UPM, SPM Aliran Sains (Bukan Bumiputera) 140
21	Jumlah Permohonan Ke UPM, SPM Aliran Sastera (Bumiputera) 141
22	Jumlah Permohonan Ke UPM, SPM Aliran Sastera (Bukan Bumiputera) 141
23	Jumlah Permohonan Ke UPM, STPM Aliran Sains (Bumiputera) 142
24	Jumlah Permohonan Ke UPM, STPM Aliran Sains (Bukan Bumiputera) 142
25	Jumlah Permohonan Ke UPM, STPM Aliran Sastera (Bumiputera) 143
26	Jumlah Permohonan Ke UPM, STPM Aliran Sastera (Bukan Bumiputera) 143
27	Jumlah Permohonan Ke UPM Mengikut Jantina SPM Sains (Bumiputera) 144
28	Jumlah Permohonan Ke UPM Mengikut Jantina SPM Sains (Bukan Bumiputera) 144
29	Jumlah Permohonan Ke UPM Mengikut Jantina SPM Sastera (Bumiputera) 145
30	Jumlah Permohonan Ke UPM Mengikut Jantina SPM Sastera (Bukan Bumiputera) 145



JADUALMuka surat

31	Jumlah Permohonan Ke UPM Mengikut Jantina STPM Sains (Bumiputera)	146
32	Jumlah Permohonan Ke UPM Mengikut Jantina STPM Sains (Bukan Bumiputera)	146
33	Jumlah Permohonan Ke UPM Mengikut Jantina STPM Sastera (Bumiputera)	147
34	Jumlah Permohonan Ke UPM Mengikut Jantina STPM Sastera (Bukan Bumiputera)	147
35	Jumlah Permohonan Masuk Ke UPM Mengikut Agregat SPM Sains (Bumiputera)	148
36	Jumlah Permohonan Masuk Ke UPM Mengikut Agregat SPM Sains (Bukan Bumiputera) ...	148
37	Jumlah Permohonan Masuk Ke UPM Mengikut Agregat SPM Sastera (Bumiputera)	149
38	Jumlah Permohonan Masuk Ke UPM Mengikut Agregat SPM Sastera (Bukan Bumiputera)..	149
39	Jumlah Permohonan Masuk UPM Mengikut Negeri SPM Sains (Bumiputera)	150
40	Jumlah Permohonan Masuk UPM Mengikut Negeri SPM Sains (Bukan Bumiputera).....	151
41	Jumlah Permohonan Masuk UPM Mengikut Negeri SPM Sastera (Bumiputera)	151
42	Jumlah Permohonan Masuk UPM Mengikut Negeri SPM Sastera (Bukan Bumiputera) ...	152
43	Jumlah Permohonan Masuk UPM Mengikut Negeri STPM Sains (Bumiputera)	152
44	Jumlah Permohonan Masuk UPM Mengikut Negeri STPM Sains (Bukan Bumiputera)	153
45	Jumlah Permohonan Masuk UPM Mengikut Negeri STPM Sastera (Bumiputera)	153
46	Jumlah Permohonan Masuk UPM Mengikut Negeri STPM Sastera (Bukan Bumiputera)...	154
47	Jumlah Permohonan Masuk UPM Mengikut Pilihan SPM Sains (Bumiputera)	155



<u>JADUAL</u>	<u>Muka surat</u>
48	Jumlah Permohonan Masuk UPM Mengikut Pilihan SPM Sains (Bukan Bumiputera) 155
49	Jumlah Permohonan Masuk UPM Mengikut Pilihan SPM Sastera (Bumiputera) 156
50	Jumlah Permohonan Masuk UPM Mengikut Pilihan SPM Sastera (Bukan Bumiputera) .. 156
51	Jumlah Permohonan Masuk UPM Mengikut Pilihan STPM Sains (Bumiputera) 157
52	Jumlah Permohonan Masuk UPM Mengikut Pilihan STPM Sains (Bukan Bumiputera) ... 157
53	Jumlah Permohonan Masuk UPM Mengikut Pilihan STPM Sastera (Bumiputera) 158
54	Jumlah Permohonan Masuk UPM Mengikut Pilihan STPM Sastera (Bukan Bumiputera).. 158
55	Program UPM Paling Popular Di Kalangan SPM Sains (Bumiputera) 159
56	Program UPM Paling Popular Di Kalangan SPM Sains (Bukan Bumiputera) 159
57	Program UPM Paling Popular Di Kalangan SPM Sastera (Bumiputera) 160
58	Program UPM Paling Popular Di Kalangan SPM Sastera (Bukan Bumiputera) 160
59	Program UPM Paling Popular Di Kalangan STPM Sains (Bumiputera) 161
60	Program UPM Paling Popular Di Kalangan STPM Sains (Bukan Bumiputera) 161
61	Program UPM Paling Popular Di Kalangan STPM Sastera (Bumiputera) 162
62	Program UPM Paling Popular Di Kalangan STPM Sastera (Bukan Bumiputera) 162
63	Program Paling Popular Di Antara Universiti/IPT SPM Sains (Bumiputera) ... 163
64	Program Paling Popular Di Antara Universiti/IPT SPM Sains (Bukan Bumiputera) 163



JADUALMuka surat

65	Program Paling Popular Di Antara Universiti/IPT SPM Sastera (Bumiputera)..	164
66	Program Paling Popular Di Antara Universiti/IPT SPM Sastera (Bukan Bumiputera)	164
67	Program Paling Popular Di Antara Universiti/IPT STPM Sains (Bumiputera) ..	165
68	Program Paling Popular Di Antara Universiti/IPT STPM Sains (Bukan Bumiputera)	165
69	Program Paling Popular Di Antara Universiti/IPT STPM Sastera (Bumiputera).	166
70	Program Paling Popular Di Antara Universiti/IPT STPM Sastera (Bukan Bumiputera)	166
71	Universiti Paling Popular Di Kalangan SPM Sains (Bumiputera)	167
72	Universiti Paling Popular Di Kalangan SPM Sains (Bukan Bumiputera)	167
73	Universiti Paling Popular Di Kalangan SPM Sastera (Bumiputera)	168
74	Universiti Paling Popular Di Kalangan SPM Sastera (Bukan Bumiputera)	168
75	Universiti Paling Popular Di Kalangan STPM Sains (Bumiputera)	169
76	Universiti Paling Popular Di Kalangan STPM Sains (Bukan Bumiputera)	169
77	Universiti Paling Popular Di Kalangan STPM Sastera (Bumiputera)	170
78	Universiti Paling Popular Di Kalangan STPM Sastera (Bukan Bumiputera)	170
79	Bilangan Program Yang Boleh Dipohon Oleh Calon-calon Yang Ingin Memasuki Universiti/ IPT	171



ABSTRAK

Kajian bertujuan untuk mengkaji pola pemilihan program-program yang ditawarkan oleh UPM di kalangan calon-calon yang ingin memasuki Universiti/Institusi Pengajian Tinggi. Kajian dikhususkan kepada calon-calon lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang memohon masuk ke program-program diploma, matrikulasi dan program ijazah.

Kajian menggunakan data yang diambil secara rawak daripada senarai merit sesi 1992-93 yang merangkumi kedua-dua jenis peperiksaan, SPM dan STPM, aliran Sains dan aliran Sastera, Bumiputera dan Bukan Bumiputera. Kajian dibantu oleh data-data yang diperolehi daripada Unit Pusat Universiti (UPU) meliputi jumlah permohonan masuk ke Universiti bagi tempoh lima tahun kebelakangan (1980/89 - 1992/93). Data-data yang diperolehi dianalisa secara statistik am seperti peratusan dan purata.

Hasil kajian mendapati bahawa jumlah permohonan ke UPM bagi tempoh lima tahun kebelakangan ini adalah semakin berkurangan, meskipun jumlah permohonan ke



universiti-universiti secara keseluruhannya semakin meningkat. Keputusan ini meliputi kedua-dua peringkat permohonan iaitu diploma/matrikulasi dan ijazah.

Kajian yang lebih terperinci ke atas permohonan masuk sesi 1992-93 juga mendapati bahawa calon-calon merit kecil (keputusan cemerlang) adalah kurang yang memohon UPM berbanding dengan calon-calon merit sederhana dan merit besar. Jumlah permohonan ke UPM meningkat apabila merit bertambah besar. Calon-calon ini (khususnya calon merit cemerlang) umumnya tidak meletakkan UPM sebagai pilihan pertama.

Bagi calon-calon lepasan SPM yang memohon masuk ke program diploma dan matrikulasi, calon yang paling ramai memohon UPM adalah yang mendapat agregat 11 - 15, dan yang paling sedikit yang mendapat agregat 25 dan ke atas.

Secara keseluruhan, calon-calon perempuan lebih ramai yang memohon UPM berbanding dengan calon-calon lelaki. Sebahagian besar calon-calon ini datang daripada negeri-negeri seperti Selangor, Johor, Perak, Kelantan dan Kedah.



Program diploma dan matrikulasi UPM yang paling digemari oleh calon-calon lepasan SPM ialah Matrikulasi Sains, Diploma Sains Komputer, Diploma Perniagaantani dan Matrikulasi TESL. Bagi calon-calon lepasan STPM pula, program ijazah yang paling diminati ialah Sains Komputer, Sains Kepujian, Kejuruteraan, Perakaunan dan program-program pendidikan.

Sebagai perbandingan; program-program yang paling diminati di kalangan universiti-universiti ialah rancangan keluar negeri, matrikulasi/asasi sains, perubatan, perakaunan, pengurusan/perniagaan, sains komputer dan pendidikan.

Sementara itu Universiti/IPT seperti RB (Rancangan Bersama) ke luar negeri, UM, UTM, UKM, UIA, USM dan UUM menjadi Universiti/Institusi paling digemari berdasarkan kepada Universiti pilihan pertama calon-calon bagi setiap jenis merit.



ABSTRACT

The purpose of this study is to determine the polarity of choices in the programs offered by UPM for potential students entering higher institutions of learning. This study is specifically meant for SPM and STPM holders for the diploma, matriculation and bachelor's degree programs.

The data for this study was randomly taken from the merit list of 1992-93, covering both SPM and STPM, in the art and science streams, Bumiputera and Non-Bumiputera. In addition, data supplied by the UPU entails the number of applicants of universities from 1988-89 to 1992-93 session. These data were statistically analysed such as using the percentages and averages.

Results obtained indicated that the number of applicants into UPM for the past 5 years are decreasing even though the number of applicants of universities has generally increased. The results cover both the diploma/matriculation and bachelor's degree program.



A more detailed study on the application for the 1992-93 session also proved the number of outstanding result-oriented applicants for UPM is small as compared to average merited applicants. The number of applicants to UPM increases upon the increased of merits.

These candidates (especially outstanding oriented candidates) generally did not choose UPM as their first choice. While for the SPM students, applying for the diploma and matriculation programs, the most number of applicants are within the 11-15 aggregate achievers and the least within the 25 aggregate and above. Overall, female candidates are greater in number as compared to the male candidates and a great number of them are from Selangor, Johor, Perak, Kelantan and Kedah.

The most popular UPM programs amongst SPM candidates are the science matriculation, diploma in computer science, diploma in agribusiness and the TESL matriculation. While for the STPM candidates, the most widely preferred bachelor's degree programs are computer science, Honour's science, engineering, accountancy and education.



In comparison, amongst the most preferred programs by universities are the overseas program, science matriculation, medicine, accountancy, management/business, computer science and education, While higher institutions of learning such as UM, UTM, UKM, UIA, USM, UUM and overseas programs are amongst the most chosen first choices for all types of merit.



BAB 1
LATAR BELAKANG KAJIAN

1.1 Pengenalan

Universiti Pertanian Malaysia (UPM) telah menawarkan program pengajian sama ada di peringkat diploma ataupun ijazah semenjak dari awal penubuhannya iaitu pada tahun 1971. Semenjak itu UPM terus berkembang pesat di mana lebih banyak program-program baru dalam pelbagai bidang diperkenalkan. Sehingga kini UPM telah dan sedang menawarkan satu program Pendahuluan, dua program Matrikulasi, lapan program Diploma, dua puluh enam program Ijazah, di samping program-program siswazah di peringkat Master dan Doktor Falsafah.

Namun demikian tiada kajian lanjut tentang sejauh mana program-program ini diterima oleh pihak luar, khususnya para pelajar lepasan sekolah, sebagai program yang mereka minati. Oleh itu kajian ini bertujuan mengkaji pemilihan program-program yang ditawarkan oleh UPM di kalangan para pemohon yang ingin memasuki institusi pengajian tinggi/universiti.



1.2 Latar Belakang UPM

1.2.1 Sejarah

UPM telah ditubuhkan dengan rasminya oleh satu perintah perbadanan yang ditandatangani oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 yang diperbuat dan disiarkan melalui Warta Kerajaan P.U. (A) 387 bertarikh 28hb. Oktober 1971. Penubuhannya adalah berasaskan percantuman antara Kolej Pertanian Malaya dengan Fakulti Pertanian, Universiti Malaya.

1.2.2 Matlamat UPM

Menyediakan tenaga terlatih yang sesuai dengan kehendak-kehendak negara pada dua peringkat kemahiran iaitu ijazah dan diploma.

Mengambil peranan utama dalam kegiatan penyelidikan asas dan gunaan dalam segala aspek pertanian bagi memajukan lagi kegiatan pertanian selaras dengan hasrat negara.

Berkhidmat kepada masyarakat melalui kegiatan-kegiatan pengembangan dengan menyebarkan pendapat-pendapat dan amalan-amalan baru dan membawa balik masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat ke Universiti untuk dicarikan penyelesaian supaya pertanian dapat mencapai taraf yang sewajarnya dalam struktur ekonomi negara.

1.2.3 Pembangunan

Universiti Pertanian Malaysia memulakan program akademiknya pada bulan Julai 1973 dengan tiga fakulti asas iaitu Fakulti Pertanian, Fakulti Perhutanan dan Fakulti Kedokteran Veterinar dan Sains Peternakan serta satu Bahagian Sains Asas. Pada ketika itu bilangan mahasiswa berjumlah 1,559 orang dan mereka mengikuti program-program Bachelo Sains Pertanian, Bachelo Sains Perhutanan, Doktor Perubatan Veterinar, Diploma Pertanian, Diploma Teknologi Rumahtangga, Diploma Sains Peternakan, Diploma Sains dengan Pendidikan dan Program Pendahuluan.

Program pengajian di UPM terus berkembang dengan pesat. Pada tahun 1974, Fakulti Ekonomi Sumber dan Perniagaantani telah ditubuhkan dengan menawarkan program Bachelo Sains (Perniagaantani). Pada tahun yang sama, UPM telah juga menawarkan program Diploma Perikanan sebagai satu program tambahan. Dalam tahun 1975, tiga buah fakulti lagi ditubuhkan iaitu Fakulti Pengajian Pendidikan, Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar dan Fakulti Kejuruteraan Pertanian. Ini diikuti pula oleh penubuhan Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan pada tahun 1976, Fakulti Perikanan dan Sains Samudera pada tahun 1979, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan pada tahun 1982 dan Fakulti Ekologi Manusia pada tahun 1992.

UPM telah menubuhkan sebuah kampus cawangan di Semenggok, Sarawak pada bulan Jun 1974. Kampus di Semenggok ini berpindah ke Bintulu pada tahun 1987. Kampus Bintulu ini pula telah diambil alih oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1993.

Selain daripada itu UPM juga memiliki kampus cawangan di Mengabang Telipot di Kuala Terengganu. Kampus ini dikhususkan untuk para pelajar dan penyelidik daripada Fakulti Perikanan dan Sains Samudera. UPM juga memiliki stesen-stesen penyelidikan di Genting Highlands dan di Port Dickson.

1.2.4 Fakulti dan Pusat Pengajian

Setakat ini Universiti Pertanian Malaysia mempunyai sepuluh buah fakulti dan tiga buah pusat iaitu:-

- (i) Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
- (ii) Fakulti Kedokteran Veterinar dan Sains
Peternakan
- (iii) Fakulti Kejuruteraan
- (iv) Fakulti Pengajian Pendidikan
- (v) Fakulti Perhutanan
- (vi) Fakulti Perikanan dan Sains Samudera
- (vii) Fakulti Pertanian
- (viii) Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar

- (ix) Fakulti Sains Makanan dan Bioteknologi
- (x) Fakulti Ekologi Manusia
- (xi) Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan
- (xii) Pusat Komputer
- (xiii) Pusat Pengajaran dan Pembelajaran

Fakulti-fakulti dan pusat-pusat ini mengendalikan satu program Pendahuluan, dua program matrikulasi, lapan program diploma, dua puluh enam program ijazah dan program-program pengajian siswazah di peringkat master dan doktor falsafah (Ph.D.).

1.2.5 Program-program Yang Ditawarkan

Peringkat Pra Diploma

Pendahuluan

Peringkat Diploma

Diploma Sains Komputer

Diploma Kejuruteraan Pertanian

Diploma Kesihatan Haiwan dan Peternakan

Diploma Pembangunan Manusia

Diploma Perikanan

Diploma Perniagaantani

Diploma Pertanian